

# Bank Rakyat, SPA jalin kerjasama



Warga kerja SPA menunjukkan replika kad Premium Banking Rakan Pintar Bank Rakyat pada majlis pelancaran usaha sama antara SPA dengan Bank Rakyat di Putrajaya, semalam.

BANK Rakyat yang menjalin usaha sama pintar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), menyasarkan bilangan pelanggan dalam kalangan penjawat awam akan meningkatkan dan memperkukuh kedudukannya dalam pasaran.

Pengerusi Bank Rakyat Tan Sri Sabbaruddin Chik berkata, menerusi usaha sama itu, Bank Rakyat menawarkan pakej istimewa khusus untuk kakitangan SPA dengan menyediakan perkhidmatan pembayaran gaji pegawai menerusi bank itu.

Beliau berkata, pegawai SPA yang setuju menggunakan perkhidmatan tersebut

akan menikmati beberapa manfaat istimewa seperti kemudahan Premium Banking di dua cawangan Bank Rakyat iaitu di Presint 8 dan Presint 15 di Putrajaya.

Selain itu, beliau berkata, mereka juga akan menikmati diskaun 50 peratus caj transaksi Meps dan Tabung Haji selain kadar keuntungan pembiayaan lebih rendah.

"Kini 800,000 daripada 1.4 juta penjawat awam merupakan pelanggan Bank Rakyat.

"Dengan kerjasama SPA, saya yakin bilangan penjawat awam yang bakal menjadi ahli Bank Rakyat akan bertambah kerana ia bukan sahaja menguntungkan Bank

Rakyat malah memberi keuntungan dari segi simpanan, dividen dan bonus kepada ahlinya," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran kerjasama itu di pejabat SPA di Putrajaya, semalam.

Hadir sama Pengerusi SPA Tan Sri Mahmood Adam dan Pengarah Urusan Bank Rakyat Datuk Mustafha Abdul Razak.

Bank Rakyat mengekalkan prestasi kewangan baik separuh tahun pertama tahun ini dengan keuntungan sebelum cukai dan zakat RM1.11 bilion, peningkatan 4.7 peratus atau RM50 juta berbanding RM1.06 bilion tempoh sama tahun lalu. - Bernama

Sinar Harian  
23.10.2013  
M/S 58

**AKHBAR : KOSMO**

**TARIKH : 23.10.2013**

**MS : 2**

## Usaha sama Bank Rakyat, SPA

**PUTRAJAYA** - Bank Rakyat yang menjalin usaha sama pintar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), menyasarkan bilangan pelanggan dalam kalangan penjawat awam akan bertambah dan memperkukuhkan kedudukannya dalam pasaran.

Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Sabbaruddin Chik berkata, menerusi usaha sama pintar itu, Bank Rakyat menawarkan pakej istimewa khusus untuk kakitangan SPA dengan menyediakan perkhidmatan pembayaran gaji pegawai menerusi bank itu.

Menurutnya, pegawai SPA yang bersetuju menggunakan perkhidmatan tersebut akan menikmati beberapa manfaat istimewa seperti kemudahan Pre-

mium Banking di dua cawangan Bank Rakyat iaitu Cawangan Presint 8 dan Cawangan Presint 15 di sini.

"Mereka juga akan menikmati diskaun 50 peratus caj transaksi MEPS dan Tabung Haji selain kadar keuntungan pembiayaan yang lebih rendah.

"Kini 800,000 daripada 1.4 juta penjawat awam merupakan pelanggan Bank Rakyat.

"Dengan kerjasama SPA, saya yakin bilangan penjawat awam yang bakal menjadi ahli Bank Rakyat akan bertambah kerana ia bukan sahaja menguntungkan Bank Rakyat malah memberi keuntungan dari segi simpanan, dividen dan bonus kepada ahlinya," katanya pada sidang akh-

bar di sini semalam. *Kosmo 23.10.13*

Turut hadir ialah Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam dan Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Mustafha Abdul Razak.

Selain itu, Sabbaruddin menerangkan, Bank Rakyat bercadang meluaskan perkhidmatan tersebut di cawangan-cawangan lain pada masa hadapan.

"Faedah yang ditawarkan ini hanyalah satu permulaan terhadap jalinan kerjasama pintar ini. Kita akan usahakan penambahbaikan supaya pulangan di atas pelaburan anda ini adalah yang terbaik pernah anda rasakan berbanding tawaran daripada institusi-institusi kewangan yang lain," katanya. - Bernama



SEBAHAGIAN daripada warga kerja SPA menunjukkan replika kad Premium Banking Bank Rakyat di Putrajaya semalam.

TARIKH : 23.10.2013

MS : B6

# Tarik minat penjawat awam

» Usaha sama pintar Bank Rakyat dengan SPA

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**B**ank Rakyat menjangkakan pengenalan perkhidmatan baru hasil daripada usaha sama pintarnya dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) akan dapat meningkatkan jumlah pelanggannya dalam kalangan penjawat awam.

Pengarah Urusannya, Datuk Mustafha Abd Razak, berkata usaha sama pintar itu akan menjadi platform dan pemacu kepada pertumbuhan jumlah pelanggan bank koperasi itu daripada kalangan kakitangan kerajaan baru dan sedia ada.

Katanya, ketika ini lebih 800,000 daripada 1.4 juta penjawat awam di seluruh negara menjadi pelanggan Bank Rakyat, sekali gus menjadikannya sebagai bank pilihan bagi kakitangan kerajaan.

## Perkukuh data pelanggan

"Kakitangan kerajaan mendapat pelbagai manfaat ke atas lebih 20 produk kewangan yang kami tawarkan, jadi menerusi kerjasama dengan SPA ini, kami menjangkakan ia dapat memberikan sumbangan ketara kepada prestasi kewangan, di samping



Mahmood bersama Sabbaruddin melihat replika kad Rakan Pintar Bank Rakyat pada majlis pelancaran usaha sama pintar

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

## FAKTA NOMBOR

# 800,000

## bilion

Penjawat awam  
pelanggan Bank Rakyat

pas pelancaran usaha sama pintar dengan SPA itu di Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Sabbaruddin Chik dan Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam.

Ketika ini, Bank Rakyat memiliki kira-kira 3.5 juta pelanggan dengan 1.5 juta adalah pelanggan pembiayaan.

Daripada 1.5 juta pelanggan pembiayaan itu, lebih 900,000 adalah membabitkan pembiayaan peribadi yang mana 90

menguatkan lagi data pelanggan kami," katanya kepada media selepas

peratus adalah penjawat awam, manakala baki 10 peratus dari swasta.

Mustafha berkata, kerjasama strategik dengan SPA itu membolehkan Bank Rakyat menyediakan perkhidmatan pembayaran gaji kepada kakitangan kerajaan.

## Hargai penjawat awam

Beliau berkata, objektif utama usaha sama itu adalah bagi menghargai penjawat awam yang menjadi antara kumpulan pelanggan terbesar bank itu selain memudahkan mereka membuat sebarang urusan niaga dengan Bank Rakyat.

"Kakitangan yang bersetuju menggunakan perkhidmatan

ini akan mendapat kad Rakan Pintar Bank Rakyat, sekali gus dapat menikmati beberapa manfaat istimewa seperti kemudahan perbankan premium di cawangan terpilih.

"Mereka juga akan menikmati diskaun 50 peratus ke atas caj yang dikenakan bagi urusan niaga Malaysian Electronic Payment Systems (MEPS) seperti di mesin ATM selain Bank Rakyat, pemindahan dana antara bank serta Tabung Haji dan kadar keuntungan pembiayaan peribadi rendah," katanya.

Ia adalah kerjasama pertama Bank Rakyat dengan agensi kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan pembayaran gaji menerusi bank itu, jelas Mustafha.

Sediakan khidmat bayaran gaji kepada kakitangan awam

# SPA-Bank Rakyat jalin kerjasama

4m MS 21  
23/10/13

Oleh **NAZMIL NASIRUDDIN**  
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 22 Okt. - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjalin kerjasama pintar dengan Bank Rakyat untuk menyediakan perkhidmatan pembayaran gaji kepada kakitangan awam melalui bank tersebut.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, kerjasama itu membolehkan kakitangan awam yang bersetuju membuka akaun dengan Bank Rakyat memperoleh beberapa manfaat menarik.

Antaranya, tambah beliau, seperti kemudahan layanan premium dengan ruangan khas untuk pelanggan di cawangan terpilih dan mendapat diskaun 50 peratus daripada caj transaksi rangkaian sistem pembayaran elektronik Malaysia (MEPS) di mesin ATM selain Bank Rakyat.

"Penjawat awam juga dapat

memperoleh kemudahan pemindahan dana di antara Bank Rakyat dan Tabung Haji selain mendapat kadar keuntungan pembiayaan yang lebih rendah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Rakan Pintar antara Bank Rakyat dan SPA di sini hari ini. Yang hadir sama, Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Sabbaruddin Chik.

Mahmood berkata, kerjasama itu bertujuan mengukuhkan hubungan antara kerajaan dan swasta seperti disaran dalam Strategi Lautan Biru.

Kerjasama itu juga, tambah beliau, secara tidak langsung mengahgair kakitangan awam yang merupakan kumpulan besar pelanggan dalam menyokong produk dan perkhidmatan Bank Rakyat.

"Selain itu, pendekatan ini memudahkan lagi urusan kakitangan kerajaan membuat transaksi bersama bank itu," katanya.



**MAHMOOD Adam (Kanan)** menunjukkan logo Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada kad Premium Banking Rakan Pintar Bank Rakyat kepada Sabbaruddin Chik pada majlis di Putrajaya, semalam. - BERNAMA



**KAD RAKAN PINTAR  
BANK RAKYAT**

Utusan  
Malaysia  
23/10/13  
M/S 2

WARGA kerja Suruhanjaya Perkhidmatan  
Awam (SPA) menunjukkan replika kad  
Premium Banking Rakan Pintar Bank Rakyat  
dalam majlis pelancaran usahasama pintar  
antara SPA dengan Bank Rakyat yang  
disempurnakan oleh Pengerusi SPA, Tan Sri  
Mahmood Adam dan Pengerusi Bank Rakyat,  
Tan Sri Sabbaruddin Chik di Putrajaya,  
semalam. - BERNAMA